

10 JUN 1996

Osman-pertemuan '''

OSMAN LETAK JAWATAN MULAI AHAD INI

ALOR SETAR, 10 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Tan Sri Osman Aroff hari ini mengumumkan bahawa beliau akan meletakkan jawatannya berkuatkuasa mulai Ahad ini (16 Jun).

Beliau membuat pengumuman itu pada persidangan akhbar selepas perjumpaan hampir satu jam dengan 28 Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah dari Barisan Nasional di Wisma Darul Aman, di sini.

Osman berkata kali terakhir beliau bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung tarikh perletakan jawatannya itu adalah pada Khamis lepas di Jabatan Perdana Menteri.

Mengenai penggantinya, beliau berkata perkara itu adalah hak mutlak Perdana Menteri untuk membuat keputusan.

Sebelum ini, Osman dilaporkan berkata beliau telah diminta oleh Dr Mahathir untuk meletak jawatan bagi membolehkan Datuk Seri Sanusi Junid, Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Kuah, menggantinya.

Beliau juga berkata tarikh majlis angkat sumpah Menteri Besar yang baru belum ditentukan.

Osman merakamkan terima kasih kepada semua wakil rakyat, kakitangan dan pegawai kerajaan dan semua pihak atas kerjasama dan sokongan mereka terhadapnya dalam menjalankan tugas.

--LAGI